

18 MAR 1998

Kelab

KELAB UNTUK WUJUDKAN RAMAI "BILL GATES MALAYSIA" DILANCAR

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Sebuah kelab pengatur cara (komputer) muda, Malaysian Young Programmers Club, atau "MyPC" yang akan berusaha untuk mewujudkan lebih ramai "Bill Gates Malaysia" dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama dengan Bill Gates sendiri di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Gates, yang berada di sini untuk lawatan sehari, sebelum itu memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai konsep kerajaan elektronik yang akan digunakan di pusat pentadbiran baru di Putrajaya.

MyPC ditubuhkan di atas usaha Microsoft (M) Sdn Bhd, New Straits Times Sdn Bhd (NST) dan Brave and Bold Sdn Bhd, sebuah syarikat IT berstatus MSC (Koridor Raya Multimediad).

Bercakap pada sidang berita kemudiannya, Ketua Pengarah NST, Datuk A Kadir Jasin menjelaskan bahawa mengikut peraturan kelab itu (MyPC), setiap anggota akan ditugaskan kepada seorang mentor yang berkelayakan yang akan memberikan mereka tugas (assignment) khas berasaskan kepada kemahiran intelek, analatikal dan mengatur cara mereka.

"Mereka akan dibekalkan dengan peralatan komputer oleh Microsoft bagi membolehkan mereka mengeluarkan perisian mereka sendiri. Tujuannya ialah untuk menggalakkan mereka mengeluarkan berbagai program seperti program pendidikan dan hiburan...untuk menjadi bakal pengatur cara perisian," katanya.

Katanya walaupun MyPC berupaya mengambil 1,000 kanak-kanak pada satu-satu masa, hanya bilangan yang dipilih akan diambil pada peringkat awal disebabkan kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan.

Kadir berkata Tan Sri Rashid Hussain dari Rashid Hussain Bank telah bersetuju menderma sebanyak RM50,000 untuk memulakan aktiviti kelab itu. Microsoft antara lain akan membekalkan perisian, tenaga latihan dan kolateral.

Ketua pegawai Eksekutif Bold and Brave, Derrik Khoo, yang juga hadir pada sidang berita itu, berkata Microsoft berjanji untuk melabur sebanyak RM1 juta dari segi perisian dan tenaga kerja bagi menyokong aktiviti kelab itu, yang pertama ditubuhkan di negara ini.

Menurutnya, keanggotaan kelab itu dibuka kepada kanak-kanak berusia antara 12 hingga 15 tahun. Tidak ada yuran dikenakan kerana setiap anggota ditaja sepenuhnya.

"Sekiranya seseorang kanak-kanak mempunyai kebolehan mengatur cara, wang bukan masalah kerana kami akan mendapatkan bantuan kewangan untuk mereka," kata Khoo.

Katanya aktiviti kelab itu akan dijalankan kebanyakannya melalui Internet manakala perjumpaan kumpulan akan diadakan ditempat-tempat yang dipilih di negara ini. -- BERNAMA

RA WAT